

## **KERJA SEPARUH MASA : FAKTOR, STATUS PELAJAR DAN KESAN KE ATAS PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

**<sup>1</sup>Rozita Baba, <sup>2</sup>Nur Zafirah Muhammad Nor, <sup>3</sup>Muhammad Amirul Fikri Hamzah**

**<sup>1,2,3</sup>Pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka**

### **ABSTRAK**

Kertas ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Insitusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat di dalam pekerjaan separuh masa. Melakukan pekerjaan sambilan bukan lagi satu masalah di dalam kehidupan pelajar pada masa kini malah ianya dianggap satu keperluan bagi pelajar IPT yang menghadapi masalah kewangan. Pekerjaan separuh masa konvensional yang memerlukan pelajar menghadirkan diri ke tempat kerja menjadi semakin kurang popular dengan wujudnya pekerjaan sambilan yang boleh dilakukan secara atas talian. Masalah kewangan didapati menjadi faktor utama penglibatan pelajar di dalam pekerjaan separuh masa. Selain itu, masa terluang juga memainkan peranan penting. Kajian terhadap 100 pelajar institusi pengajian tinggi telah dijalankan dengan menggunakan analisis deskriptif. Kertas ini juga mendapati kerja sambilan tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar atau dengan kata lain, pelajar yang terlibat dengan pekerjaan separuh masa, masih mampu mendapat keputusan cemerlang.

**Katakunci:** *Pelajar IPT, kerja separuh masa, pencapaian akademik*

## PART-TIME JOB : FACTOR, STUDENT STATUS AND EFFECT ON STUDENTS' ACADEMIC ACHIEVEMENT AT HIGHER EDUCATION INSTITUTION

### ABSTRACT

This paper examines the factors that influence the academic achievement of Higher Education Institutions (HEI) students involved in part-time work. Doing a part-time job is no longer a problem in the life of a student nowadays but it is considered a requirement for HEI students who face financial difficulties. Conventional part-time jobs that require students to come to work are becoming less popular with the availability of part-time jobs that can be done online. Financial problems have become a major factor in student engagement in part-time job. In addition, free time also plays an important role. A study of 100 students of HEI was conducted using descriptive analysis. This paper also found that part-time job did not affect the students' academic achievement or in other words, students involved with part-time jobs, were still able to get excellent results.

**Keywords:** *HEI student, part-time job, academic achievement*

### PENGENALAN

Keadaan ekonomi yang tidak menentu, dan kos sara hidup yang semakin tinggi, menjadi faktor segelintir pelajar terpaksa bekerja secara sambilan bagi menampung perbelanjaan harian seperti sewa rumah, membeli buku rujukan dan makanan, bayaran kenderaan dan perbelanjaan untuk aktiviti-aktiviti sosial. Malahan bagi sesetengah pelajar, bekerja secara sambilan ini merupakan satu keperluan bagi membayar yuran pengajian. Ini menyebabkan tugas sebagai pelajar semakin berat di mana selain belajar, mereka terpaksa bekerja. Hal yang demikian memerlukan pelajar agar bijak mengimbangi masa antara belajar dan bekerja supaya pelajaran mereka tidak terjejas.

Perkembangan kajian pekerjaan sambilan di kalangan pelajar IPT terdiri dari tiga keutamaan iaitu permintaan dan sebab mengapa pekerjaan sambilan dijalankan, status pelajar dan kesan ke atas pelajar terutamanya dari sudut keberkesanan pembelajaran yang diukur melalui keputusan peperiksaan pada setiap semester. Isu pertama berhubung faktor-faktor penglibatan pelajar di dalam pekerjaan sambilan melibatkan ramai pengkaji antaranya, Salamonson & Andrew 2006; Mcinnis & Hartley 2002; Nonis & Hudson 2006; dan Moreau & Leathwood 2006. Isu kedua yang menjadi tumpuan adalah kaitan antara kursus yang diambil di peringkat pengajian dan kerja sambilan yang dilakukan (Mcinnis & Hartley 2002) dan isu ketiga melihat kesan kerja sambilan di dalam kehidupan pelajar (Moreau & Leathwood 2006).

Jika dahulunya pekerjaan dalam sektor restoran makanan segara, juruwang di pasaraya ataupon '*'promoter'* menjadi pilihan, kini *dropship* atau agen kepada sesuatu produk dilihat lebih fleksibel dan menguntungkan para pekerja sambilan serta wajar dilakukan oleh mahasiswa kerana sudah menjadi satu gaya hidup moden tetapi gaya ini turut mencetuskan pelbagai impak terhadap mahasiswa. Dengan pilihan melakukan pekerjaan sambilan yang bertambah luas ini, membuka lebih banyak ruang bagi pelajar melakukan pekerjaan sambilan tanpa mengganggu masa perkuliahan dan pencapaian mereka di dalam peperiksaan. Kajian ini akan melihat ketiga-tiga isu di atas sama ada ianya masih menjadi isu utama mengapa pelajar IPT di Malaysia menjalankan kerja sambilan serta kesannya terhadap kehidupan pelajar. Selain itu, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada jenis pekerjaan yang dijalankan serta pencapaian akademik pelajar.

Kertas ini terbahagi kepada bahagian. Bahagian satu merupakan pengenalan, bahagian kedua mengulas kajian lepas, bahagian tiga merupakan metodologi kajian, bahagian empat hasil kajian dan bahagian lima merupakan bahagian rumusan dan cadangan.

## **KAJIAN LEPAS**

Kajian terhadap pekerjaan sambilan dikalangan pelajar mendapat tumpuan pengkaji dari pelbagai sudut. Antaranya berhubung isu masa yang terlibat dengan pekerjaan ini. Metcalf, 2005 dan Carney et al. 2005 mendapati masa yang diambil oleh pelajar untuk melakukan pekerjaan sambilan adalah antara 12-16 jam seminggu. Barron & Anastasiadou (2009) mendapati pelajar-pelajar IPT di negara-negara barat contohnya Australia dan United Kingdom menunjukkan kebanyakannya siswazah melakukan kerja sambilan sehingga mencapai 30 jam setiap minggu. Di sini, para pelajar menganggap kerja sambilan adalah satu keperluan bagi mereka untuk menampung perbelanjaan di peringkat pengajian tinggi.

Selain itu Noraziah et al. (2008) mendapati sebahagian besar pelajar bekerja dalam sektor perkhidmatan secara sambilan, iaitu selepas tamat waktu persekolahan, pada cuti hujung minggu dan cuti sekolah. Malah Schoenhals, M., Tienda, M. & Schneider 1998 berpendapat semakin banyak masa yang digunakan untuk pekerjaan sambilan, semakin kurang masa untuk hiburan seperti menonton televisyen dan membuang masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Bagi pelajar yang berkerja pada waktu perkuliahan, kajian oleh Wadesango & Machingambi (2011), 65% responden tidak hadir ke sesi kuliah disebabkan tuntutan kerja menyebabkan keputusan peperiksaan mereka terganggu dan merosot.

Sebab utama peningkatan penyertaan pelajar sebagai pekerja sambilan antaranya adalah akibat dari kesan ekonomi di mana kenaikan harga barang dan kos sara hidup. Pelajar terpaksa melakukan pekerjaan sambilan bagi meneruskan kehidupan dan juga pembelajaran termasuklah bagi membayar sewa rumah, makanan, membeli buku, yuran pengajian dan lain-lain (Barron & Anastasiadou ,2009). Curtis (2007) dan Harvey (2000) pula menyatakan pelajar yang melakukan pekerjaan sambilan bertujuan membina hubungan sosial di mana meningkatkan keupayaan mencari pekerjaan yang baik pada masa akan datang. Nonis & Hudson (2006) berpendapat pelajar yang menjalankan pekerjaan sambilan berkemahiran bekerja secara berkumpulan dan praktikal selain dari meningkatkan pengalaman profesional mereka.

Kajian terhadap kesan melakukan pekerjaan sambilan memberi tumpuan kepada pencapaian akademik pelajar. Antara pengkaji yang berpendapat melakukan pekerjaan sambilan boleh memberikan kesan negatif terhadap pelajar adalah (Robotham 2012). Selain itu, pekerjaan sambilan didapati menurunkan pencapaian pelajar (Rokicka, 2014; Salamonson & Andrew, 2006; Moreau & Leathwood, 2006; dan Carney et al., 2005). Darolia (2014) dalam kajianya di Amerika syarikat dengan menggunakan data panel dan kaedah GMM mendapati pencapaian pelajar sepenuh masa semakin menurun apabila jumlah jam bekerja ditingkatkan. Pekerjaan sambilan juga didapati boleh memberi tekanan kepada pelajar (Robotham, 2012 dan Curtis 2007). Walau bagaimanapun, Schoenhals, M., Tienda, M. & Schneider (1998) berpendapat pekerjaan sambilan tidak memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar. Selain dari itu, faktor kewangan juga menjadi punca mengapa pelajar di dalam pekerjaan sambilan Barron (2014).

Evans, C., & Richardson (2017) dalam kajianya di England berpendapat pelajar yang melakukan pekerjaan sambilan dengan tujuan mencari pengalaman bagi tujuan mencari pekerjaan yang baik selepas tamat pengajian di universiti hendaklah mengamalkan dan menunjukkan segala pengalaman yang diperolehi semasa melakukan pekerjaan separuh masa selain dari mempunyai pencapaian akademik yang baik. Begitu juga kajian kajian yang dijalankan oleh Beerkens et al. (2011) di Estonia menunjukkan sebilangan besar pelajar di sana yang melakukan kerja sepenuh masa tidak menunjukkan kesan terhadap hasil pembelajaran menjadi sedikit persoalan kerana mereka memperuntukkan masa yang sedikit untuk belajar. Kajian ini menunjukkan perbezaan yang dibuat di negara-negara Eropah yang lain yang menunjukkan pelajar yang pelajar yang bekerja lebih daripada 25 jam seminggu menyebabkan penurunan dalam hasil pembelajaran mereka.

## METODOLOGI KAJIAN

### Bentuk Soal Selidik

Soal selidik adalah berdasarkan gabungan kajian lepas dan spesifikasi pelajar IPT di Malaysia. Soal selidik mengandungi beberapa bahagian :

- Maklumat latar belakang berdasarkan jantina, bidang pengajian, pendapatan isi rumah dan purata perbelanjaan persendirian.
- Status pelajar yang melakukan pekerjaan sambilan termasuk mengenai pekerjaan sambilan yang dijalankan, dan jumlah jam pekerjaan dijalankan.
- Kesan pekerjaan sambilan termasuk soalan mengenai keputusan peperiksaan yang diperolehi dan kesan terhadap kehidupan pelajar.
- Kaitan bidang pengajian dengan kerja sambilan yang dilakukan.

### Data

Soal selidik dibina sendiri oleh pengkaji dengan mengambilira pelbagai bentuk persoalan berhubung isu kajian. Maklumat dari 100 pelajar dipungut dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Data dianalisis secara deskriptif. Soalan adalah berbentuk pilihan di mana responden perlu memilih jawapan daripada pilihan jawapan yang diberikan namun terdapat juga soalan yang memerlukan responden menjawab soalan dengan memberikan alasan mereka sendiri. Responden terdiri dari pelajar daripada beberapa IPT iaitu Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) yang sedang atau pernah melakukan kerja sambilan. Soal selidik diedar secara bersemuka dan juga atas talian.

## HASIL KAJIAN

Jadual 1, di bawah menunjukkan seramai 100 orang responden telah memberi maklum balas yang terdiri daripada 59 lelaki (59%) dan 41 perempuan (41%) di mana majoriti adalah terdiri daripada mahasiswa dari KUIM diikuti KUIS, KUIPSAS, UMT, UiTM, UPM, dan UTEM. Responden berlatar belakangkan keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM3000 seramai 55 orang (55%), RM3000 hingga RM6000 seramai 21 orang (21%), dan pendapatan antara RM6000 hingga RM9000 seramai 12 orang (12%) sama dengan keluarga yang berpendapatan lebih dari RM9000 seramai 12 orang (12%). Purata perbelanjaan bulanan untuk proses pembelajaran adalah sekitar RM200 hingga RM299 seramai 30 orang (30%), diikuti dengan RM100 hingga RM199 seramai 28 orang (28%), perbelanjaan kurang dari RM100 seramai 22 orang (22%) dan 20 orang (20%) menyatakan perbelanjaan lebih dari RM300 untuk tujuan pembelajaran. Manakala untuk perbelanjaan peribadi, didapati 42 responden (42%) berbelanja kurang dari RM300. 27 responden (27%) berbelanja antara RM300 hingga RM399, 15 orang (15%) berbelanja antara RM 400 hingga RM499 dan 16 orang (16%) berbelanja lebih dari RM500.

Untuk anggaran masa melakukan pekerjaan sambilan pula, catatan tertinggi adalah lebih daripada 8 jam iaitu seramai 33 orang (33%). Manakala 27 orang (27%) kurang dari 8 jam, 20 orang (20%) kurang dari 6 jam dan 20 orang (20%) kurang dari 4 jam. Anggaran waktu pembelajaran kendiri menunjukkan 49 orang (49%) memperuntukkan kurang dari 3 jam untuk belajar, diikuti 27 responden (27%) kurang dari 6 jam, 13 responden (13%) lebih dari 6 jam. Waktu yang dipilih oleh responden untuk berkerja sambilan adalah pada cuti semester iaitu seramai 58 orang (58%) dan 42 orang (42%) pada waktu sesi perkuliahan.

Lebih dari separuh responden menunjukkan kerja sambilan yang dilakukan berkaitan dengan bidang pengajian iaitu seramai 52 orang (52%) manakala seramai 48 orang (48%) tidak sesuai dengan bidang pengajian. Jenis pekerjaan perkhidmatan dalam bidang perniagaan paling ramai yang diceburi iaitu seramai 35 orang (35%), diikuti 31 orang (31%) dalam bidang perkhidmatan, 29 orang (29%) secara atas talian, 4 lain-lain (4%) dan 1 orang (1%) adalah buruh. Dari segi bantuan kewangan untuk pembelajaran, seramai 72 responden (72%) mendapat penajaan dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), 17 orang (17%) dari lain-lain penaja dan hanya 11 orang (11%) dari penjaga. Pencapaian akademik menunjukkan 37 orang (37%) mendapat CGPA antara 3.00 hingga 3.49, CGPA 2.5 hingga 2.99 seramai 23 orang (23%), CGPA 2.0 hingga 2.49 seramai 22 orang (22%), 12 orang (12%) mendapat CGPA lebih dari 3.5, dan 6 orang (6%) mendapat kurang dari 2.00.

Jadual 2 di bawah menunjukkan 50 orang (50%) memilih untuk melakukan pekerjaan sambilan adalah disebabkan masalah kewangan, 30 orang (30%) untuk mengisi masa lapang, 16 orang (16%) untuk mendapatkan pengalaman dan 4 orang (4%) untuk tujuan lain-lain.

Jadual 1 : Latar Belakang Pelajar dan Ibu Bapa

Latar belakang responde N=1	Bilangan	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	59	59
Perempuan	41	41
<b>Pendapatan Isi rumah</b>		
< RM3000	55	55
RM3000-RM6000	21	21
RM6000-RM9000	12	12
>RM9000	12	12
<b>Purata perbelanjaan bulanan pelajar</b>		
<RM100	22	22
RM100-RM199	28	28
RM200-RM299	30	30
>RM300	20	20
<b>Purata perbelanjaan bulanan (peribadi)</b>		
<RM300	42	42
RM300-RM399	27	27
RM400-RM499	15	15
>RM500	16	16
<b>Anggaran masa melakukan pekerjaan sambilan</b>		
< 4 jam	20	20
< 6 jam	20	20
< 8 jam	27	27
> 8 jam	33	33

<b>Anggaran masa belajar</b>		
< dari 1 jam	11	11
< dari 3 jam	49	49
< dari 6 jam	27	27
> dari 6 jam	13	13
<b>Waktu melakukan pekerjaan sambilan</b>		
Cuti semester	58	58
Semasa perkuliahan	42	42
<b>Kesesuaian bidang pengajian dan kerja sambilan</b>		
Sesuai	52	52
Tidak sesuai	48	48
<b>Jenis pekerjaan</b>		
Perkhidmatan		
Atas Talian	29	29
Perkhidmatan	31	31
Buruh	1	1
Perniagaan	35	35
Lain-lain	4	4
<b>Tajaan pendidikan</b>		
PTPTN	72	72
Lain-lain tajaan	17	17
Penjaga	11	11
<b>Pencapaian akademik (CGPA)</b>		
< 2.00	6	6
2.00-2.49	22	22
2.5-2.99	23	23
3.00-3.49	37	37
>3.5	12	12

Jadual 2 :Faktor-faktor melakukan pekerjaan sambilan

<b>Faktor</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Masalah kewangan</b>	60	60
<b>Mengisi masa lapang</b>	20	20
<b>Pengalaman</b>	16	16
<b>Lain-lain</b>	4	4

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian didapati pelajar yang terlibat dengan kerja sambilan mampu untuk mencapai keputusan akademik yang cemerlang. Ini dibuktikan dengan 49 peratus responden yang memperolehi CGPA melebihi 3.00 dan hanya 6 peratus yang memperolehi CGPA kurang dari 2.00. Ini memberi gambaran bahawa pelajar yang aktif dalam kehidupan harian boleh meningkatkan daya fokus dalam pembelajaran sekaligus membuktikan minda yang cerdas dan badan yang aktif menghasilkan pelajar yang proaktif dan produktif. Walaupun

masa yang diperuntukkan untuk belajar kurang dari masa yang digunakan untuk pekerjaan sambilan, dapatkan kajian menunjukkan responden mampu untuk cemerlang dalam pengajian iaitu masa bekerja lebih dari 8 jam seminggu (Metcalf, 2005 dan Carney et al. 2005). Kaitan antara bidang pekerjaan dengan bidang pengajian juga merupakan penyumpang kepada faktor positif dalam kemenjadian seseorang pelajar dalam pengajian.

Jenis pekerjaan yang masih popular adalah di sektor perkhidmatan sebagaimana dinyatakan oleh Noraziah et al. (2008). Kebanyakan pelajar yang melakukan pekerjaan sambilan adalah disebabkan mereka ingin menambahkan pendapatan dan mengambil kesempatan ke atas masa yang terluang. Selain dari itu, pelajar turut menceburkan diri di dalam kerja separuh masa bagi mencari pengalaman bekerja yang dirasakan perlu apabila berada di pasaran pekerjaan kelak. Kajian menunjukkan responden lebih cenderung untuk melakukan kerja sambilan semasa cuti semester. Dalam pada itu, pelajar yang terlibat ini juga didapati tahu membahagikan masa antara belajar dan jumlah masa bekerja. Walaupun melakukan pekerjaan sambilan mengurangkan masa pembelajaran mereka, ianya tidak banyak memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar.

Jika dilihat dari segi ekonomi keluarga, rata-rata responden terdiri daripada keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang dari RM3000. Walaupun kebanyakan responden mendapat bantuan kewangan dari PTPTN atau dari tajaan yang lain, kajian menunjukkan jumlah bantuan yang diterima adalah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan pengajian dan perbelanjaan harian pelajar di mana perbelanjaan bulanan kebanyakan mereka (58%) adalah melebihi RM300 sebulan. Ini dibuktikan dengan faktor utama siswazah melakukan kerja sambilan adalah kerana masalah kewangan. Laporan dari akbar Berita Harian pada 5 April 2018 menunjukkan bahawa walaupun pertumbuhan ekonomi berada pada tahap yang memberangsangkan, namun ianya tidak menunjukkan berlakunya peningkatan memberangsangkan dalam pendapatan isi rumah. Apa yang lebih membimbangkan adalah trend perbelanjaan semasa golongan berpendapatan rendah meningkat lebih tinggi daripada trend peningkatan pendapatan untuk golongan ini.

Kesimpulan dari kertas ini akan menjadi sumber penting kepada pihak IPT, bahagian hal ehwal pelajar dan persatuan pekerja yang terlibat di dalam perlaksanaan dan membuat keputusan bagi menyokong dasar kerja separuh masa bagi pelajar di IPT. Pihak IPT juga dicadangkan untuk menyediakan peluang-peluang perniagaan di dalam institusi pengajian sebagai satu alternatif kepada pelajar supaya tidak perlu untuk mencari pekerjaan di luar IPT. Di samping itu, kewujudan *online market platform* di peringkat universiti juga boleh menjadi pemangkin untuk mananam minat untuk bermula sebagai sumber pendapatan sampingan pelajar.

## RUJUKAN

- Barron, P. & Anastasiadou, C. 2009. Student part-time employment: Implications, challenges and opportunities for higher education. *International Journal of Contemporary Hospitality Management* 21(2): 140–153. doi:10.1108/09596110910935642
- Beerkens, M., Mägi, E. & Lill, L. 2011. University studies as a side job: Causes and consequences of massive student employment in Estonia. *Higher Education* 61(6): 679–692. doi:10.1007/s10734-010-9356-0
- Carney, C., McNeish, S. & McColl, J. 2005. The impact of part time employment on students' health and academic performance: a Scottish perspective. *Journal of Further and Higher Education* 29(4): 307–319. doi:10.1080/03098770500353300
- Curtis, S. 2007. Students' perceptions of the effects of term-time paid employment. *Education and Training* 49(5): 380–390. doi:10.1108/00400910710762940
- Darolia, R. 2014. Working (and studying) day and night: Heterogeneous effects of working on the academic performance of full-time and part-time students. *Economics of Education Review* 38: 38–50. doi:10.1016/j.econedurev.2013.10.004
- Evans, C., & Richardson, M. 2017. Enhancing graduate prospects by recording and reflecting upon part-time work : A challenge to students and universities. *Industry and Higher Education* 31(5): 283–288.
- Harvey, L. 2000. New realities: The relationship between higher education and employment. *Tertiary Education & Management* 3–17.
- Mcinnis, C. & Hartley, R. 2002. Study and Work The impact of full-time study undergraduate experience in Australian universities (April): xi.
- Metcalf, H. 2005. Paying for University: The Impact of Increasing Cost on Student Employment, Deby and Satisfaction. *National Institute Economic Review* (191): 106–117. doi:10.1177/0027950105052662
- Moreau, M. & Leathwood, C. 2006. Balancing paid work and studies: working (- class) students in higher education. *Studies in Higher Education* 31(1): 23–42. doi:10.1080/03075070500340135
- Nonis, S. A. & Hudson, G. I. 2006. Academic Performance of College Students: Influence of Time Spent Studying and Working. *Journal of Education for Business* 81(3): 151–159. doi:10.3200/JOEB.81.3.151-159
- Noraziah, A., Ranimah, Y. & Hasnah, A. 2008. Pola Bekerja Sambilan Dikalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Melaka Tengah dan Implikasinya Terhadap Prestasi Pembelajaran Di Sekolah 3(1): 1–5. doi:10.1007/s13398-014-0173-7.2
- Robotham, D. 2012. Student part-time employment: Characteristics and consequences. *Education and Training* 54(1): 65–75. doi:10.1108/00400911211198904
- Rokicka, M. 2014. *The impact of students' part-time work on educational outcomes. ISER Working Paper Series.*

Salamonson, Y. & Andrew, S. 2006. Academic performance in nursing students: Influence of part-time employment, age and ethnicity. *Journal of Advanced Nursing* 55(3): 342–349. doi:10.1111/j.1365-2648.2006.03863\_1.x

Schoenhals, M., Tienda, M. & Schneider, B. 1998. The Educational and Personal Consequences of Adolescent Employment. *The Educational and Personal Consequences of Adolescent Employment. Social Forces* 77(2): 723. doi:10.2307/3005545

Wadesango, N. & Machingambi, S. 2011. Causes and Structural Effects of Student Absenteeism: A Case Study of Three South African Universities. *Journal of Social Sciences* 26(2): 89–97. doi:10.1080/09718923.2011.11892885

Tamat, S. 2018. Isu Ekonomi Bukan Sekadar Kos Sara Hidup. Berita Harian Online

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/04/407803/isu-ekonomi-bukan-sekadar-kos-sara-hidup>